

Jumaat, 10 April 2020 | 6:43pm



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Alexander Nanta Linggi (kiri). - Foto NSTP

## COVID-19: SSM perkenal 5 langkah tambahan

Oleh Farah Marshita Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**KUALA LUMPUR:** Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) memperkenalkan lima langkah tambahan baharu bagi membantu mengurangkan bebanan komuniti perniagaan dan sektor korporat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Alexander Nanta Linggi, dalam kenyataan, berkata kerajaan sebelum ini mengumumkan langkah tambahan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang membabitkan SSM.



Katanya, langkah tambahan itu antaranya memberikan tempoh moratorium 30 hari dari tarikh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir untuk menyerahkan simpan dokumen dengan SSM serta memberikan perlanjutan masa selama tiga bulan bagi syarikat untuk menyerah simpan penyata kewangan.

"Selain daripada dua inisiatif ini, SSM turut menggariskan lima lagi inisiatif lain antaranya melanjutkan tempoh pematuhan Seksyen 241 Akta Syarikat 2016 bagi CPE bagi setiausaha syarikat sehingga 31 Disember 2020 tertakluk kepada syarat-syarat tertentu

"Inisiatif keempat pula menaikkan nilai ambang semasa keberhutangan mengikut Seksyen 466 Akta Syarikat 2016 dari RM10,000 ke RM50,000 sehingga 31 Disember 2020 untuk mengurangkan tindakan penggulungan terhadap syarikat," katanya di sini, hari ini.

Tambahnya, tempoh untuk menjawab notis tuntutan oleh sesebuah syarikat juga dipanjangkan kepada enam bulan berbanding tempoh 21 hari pada ketika ini.

Katanya, SSM juga akan melanjutkan tempoh pelaksanaan "Kempen Pematuhan Tahun 2020 Akta Syarikat 2016" sehingga 30 Jun 2020 di mana SSM akan memberikan kadar pengurangan kompaun maksimum sebanyak 90 peratus daripada nilai asal kompaun bagi kesalahan lazim mengikut Akta Syarikat 1965 (AS 1965) dan Akta Syarikat 2016 (AS 2016).

"SSM juga memperkenalkan pengecualian kelulusan bagi Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) dalam membuat kutipan sumbangan daripada orang ramai.

"Selain itu, SSM adalah memberikan perlanjutan masa pematuhan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) sehingga tiga bulan selepas berakhirnya PKP bagi syarikat mengadakan AGM," katanya.

Tambahnya lagi, SSM berharap inisiatif yang dicadangkan ini sedikit sebanyak membantu mengurangkan beban yang dihadapi oleh sektor korporat untuk memenuhi kewajipan mereka di bawah undang-undang yang dikawal selia oleh SSM.

<https://www.bhplus.com.my/berita/nasional/2020/04/675569/covid-19-ssm-perkenal-5-langkah-tamba.han>